NAMA :..... .... TINGKATAN :..... .....

MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI SELANGOR

PENILAIAN INTERVENSI TERBILANG AKADEMIK SELANGOR (PINTAS) 2026
PRINSIP PERAKAUNAN TINGKATAN 5
Kertas 2 **3756/2**
2 Jam 30 Minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian*: **Bahagian A** *dan* **Bahagian B.**
2. *Jawab* **semua** *soalan di* **Bahagian A** *dan* **dua** *soalan di* **Bahagian B.**
3. *Tulis jawapan anda dalam* **Buku Jawapan** *yang disediakan.*
4. *Markah yang diperuntukan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
5. *Jika anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baharu.*
6. **Tunjukkan kerja mengira**. *Ini membantu anda mendapatkan markah.*
7. *Mulakan jawapan bagi setiap soalan pada halaman baharu.*
8. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*
9. *Anda diingatkan untuk menulis Nombor Kad Pengenalan, Angka Giliran, Nama dan Tingkatan pada Buku Jawapan.*

JOIN TELEGRAM
@exercise_students
UNTUK ANALISIS & TIPS SPM 2026 !

Kertas peperiksaan ini mengandungi **15** halaman bercetak dan **1** halaman tidak bercetak.

SPMC T5
PRINSIP PERAKAUNAN K2

Bahagian A
[60 *markah*]
Jawab **semua** soalan.

1. (a) Maklumat berikut berkaitan dengan ciri kualitatif Penyata Kewangan.

Penyata Kewangan mesti relevan dengan keperluan pengguna dan boleh dipercayai.

Nyatakan dua ciri kualitatif tersebut.

[2 *markah*]

(b) Apakah kesan urus niaga berikut terhadap aset dan ekuiti pemilik?

Pemilik mengambil tunai untuk kegunaan peribadi.

[2 *markah*]

(c) Berikan dua kesan rekod tak lengkap terhadap maklumat perakaunan perniagaan.

[2 *markah*]

(d) Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah perniagaan perkongsian.

	RM
Jumlah aset	100 000
Jumlah liabiliti	60 000
Belanja realisasi	2 500
Aset direalis	94 500

Hitung untung realisasi. [2 *markah*]

(e) Maklumat berikut diperoleh daripada Syarikat Mega Sakti Berhad bagi tahun berakhir 31 Oktober 2025.

Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh	
500 000 unit 8% Syer Keutamaan	RM 1 500 000
500 000 unit Syer Biasa	RM 500 000

Lembaga Pengarah mengisytiharkan dividen akhir Syer Biasa pada kadar RM0.50 sesyer. Hitungkan jumlah dividen akhir.

[2 *markah*]

SERTAI TELEGRAM @exercise_students

2 Deena dan Lyna adalah pekongsi dalam Delyna Sutera yang menjalankan perniagaan tekstil di Bangi, Selangor.

Perjanjian perkongsian adalah seperti berikut:

- Faedah atas modal 5% setahun atas baki awal.
- Faedah atas pinjaman pekongsi 6% setahun.
- Faedah atas ambilan 8% setahun.
- Deena dibayar gaji RM2 000 sebulan dan Lyna diberi elaun RM8 000 setahun.
- Untung atau rugi diagihkan mengikut Akta Perkongsian 1961.

Berikut adalah baki-baki ekuiti perkongsian pada 1 Julai 2025.

Pekongsi	**Akaun Modal** RM	**Akaun Semasa** RM	**Pinjaman** RM
Deena	80 000	2 300	40 000
Lyna	60 000	4 800 (Dt)	-

Maklumat berikut diperoleh daripada buku perakaunan perkongsian pada 30 Jun 2026.

	RM
Untung kasar	113 914
Kenderaan	80 600
Susut nilai terkumpul kenderaan	12 090
Alatan pejabat	32 980
Inventori akhir	41 114
Bank	48 650
Tunai	1 500
Akaun Belum Terima	26 550
Akaun Belum Bayar	8 340
Komisen diterima	6 570
Insurans	4 800
Gaji	35 400
Faedah pinjaman Deena	1 500
Utiliti	4 850
Sewa premis	24 000
Belanja am	2 870
Ambilan Deena (1 Oktober 2025)	2 700
Ambilan Lyna (31 Disember 2025)	3 500
Peruntukan hutang ragu	280

Maklumat tambahan:

(i) Gaji Deena untuk enam bulan termasuk dalam gaji pekerja.

(ii) Hutang lapuk RM550.

(iii) Peruntukan hutang ragu diselaraskan pada 2% atas Akaun Belum Terima bersih.

(iv) Insurans dibayar untuk setahun berakhir pada 31 Disember 2026.

(v) Susut nilai aset bukan semasa adalah seperti berikut:

Kenderaan	: 10% setahun atas kos
Alatan pejabat	: Kaedah penilaian semula Baki awal alatan pejabat ialah RM40 660

Anda dikehendaki menyediakan:

(a) Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2026. [9 *markah*]

(b) Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2026. [5 *markah*]

(c) Akaun Semasa Pekongsi (beruangan). [9 *markah*]

(d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2026.
(bahagian Ekuiti Pemilik sahaja) [2 *markah*]

SERTAI TELEGRAM @exercise_students

3 Encik Razif ialah pemilik Kedai Elektrik Zeef yang beroperasi di Bestari Jaya, Selangor. Berikut adalah Imbangan Duga perniagaannya pada 31 Disember 2025.

Kedai Elektrik Zeef
Imbangan Duga pada 31 Disember 2025

	Debit RM	Kredit RM
Modal pada 1 Januari 2025		140 560
Pinjaman		24 000
Premis (kos)	90 000	
Lengkapan (kos)	36 000	
Kenderaan (kos)	80 000	
Susut nilai terkumpul lengkapan		7 800
Susut nilai terkumpul kenderaan		15 200
Ambilan	1 500	
Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar	12 835	28 665
Inventori pada 1 Januari 2025	10 485	
Bank	30 200	
Tunai	550	
Belian dan Jualan	65 510	140 040
Pulangan keluar		845
Diskaun		565
Angkutan masuk	180	
Gaji	20 760	
Insurans	3 600	
Penyelenggaraan kenderaan	2 600	
Utiliti	1 465	
Hutang lapuk	575	
Simpanan tetap (kadar faedah 4%)	10 000	
Faedah simpanan tetap		200
Sewa		8 000
Peruntukan Hutang Ragu		385
	366 260	366 260

Maklumat tambahan:

(i) Inventori pada 31 Disember 2025 dinilaikan sebanyak RM16 450 pada harga kos dan RM19 450 pada harga pasaran.

(ii) Utiliti yang dibayar termasuk bil elektrik kediaman pemilik sebanyak RM265.

(iii) Insurans dibayar untuk tempoh setahun berakhir pada 30 Jun 2026.

(iv) Perniagaan telah menyewakan sebahagian daripada premis bermula 1 Julai 2025 sebagai ruang niaga dengan kadar RM1 000 sebulan.

(v) Dokumen berikut telah dijumpai dan belum direkodkan dalam mana-mana buku.

SALINAN NOTA KREDIT NK2901

Kedai Elektrik Zeef
Lot 126, Jalan Meranti 5,
Taman Meranti,
45500 Bestari Jaya, Selangor

Tarikh:
28.9.2025

Kepada:
Amien Enterprise
Shah Alam, Selangor

Akaun tuan telah dikreditkan seperti berikut:

Kuantiti	Butir	Harga Seunit RM	Jumlah RM
5	Seterika (Barang tersebut dipulangkan kerana tersalah model) Tolak: Diskaun niaga 5%	60.00	300.00 15.00
	Jumlah		285.00

(Ringgit Malaysia: Dua ratus lapan puluh lima sahaja).

Razif
Pengurus

(vi) Pinjaman sebanyak RM60 000 dibuat pada 1 Januari 2023. Kadar faedah adalah 4% berdasarkan pinjaman pokok dan tempoh matang pinjaman ialah pada 31 Disember 2027.

(vii) Aset bukan semasa disusutnilaikan seperti berikut:
Lengkapan - kaedah ansuran tetap, usia guna 10 tahun dan nilai skrap RM10 000.
Kenderaan - 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.

(viii) Peruntukan hutang ragu diselaraskan kepada 2% atas Akaun Belum Terima bersih.

Anda dikehendaki menyediakan:

(a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2025.
[12 *markah*]

(b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2025.
[13 *markah*]

Bahagian B
[40 *markah*]
Jawab mana-mana **dua** *soalan daripada bahagian ini.*

4 (a) Maklumat berikut adalah ringkasan penerimaan dan pembayaran yang dikemukakan oleh bendahari Kelab Badminton Taman Kesuma pada 31 Mac 2026.

Penerimaan	RM
Yuran masuk	450
Yuran ahli	5 400
Sewa gelanggang	12 000
Sewa laci	4 000
Yuran pertandingan	3 250
Pembayaran	
Sewa dewan	8 400
Upah	5 000
Utiliti	3 400
Belanja am	1 400
Hadiah pertandingan	2 000
Alatan sukan	4 800

Maklumat tambahan:

(i) Baki-baki aset dan liabiliti kelab adalah seperti berikut:

	1 April 2025	31 Mac 2026
Bank	7 855	28 010
Yuran belum terima	450	200
Yuran belum terperoleh	50	300
Alatan sukan	4 000	7 580
Upah belum bayar	200	-
Utiliti prabayar	175	-
Belanja am belum bayar	-	40

(ii) 30% daripada yuran belum terima bagi tempoh perakaunan 2025 tidak dapat dikutip dan dihapuskan sebagai hutang lapuk.

Anda dikehendaki menyediakan:

(1) Akaun Yuran [4 *markah*]

(2) Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Mac 2026. [8 *markah*]

SERTAI TELEGRAM @exercise_students

4 (b) Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Setiawira.

	RM
Baki debit lejar jualan pada 1 Jun 2025	7 100
Baki kredit lejar belian pada 1 Jun 2025	4 250
Belian tunai	5 330
Jualan tunai	9 350
Penerimaan cek daripada Akaun Belum Terima	37 000
Pembayaran cek kepada Akaun Belum Bayar	17 500
Pulangan jualan	510
Pulangan belian	640
Diskaun diberi	970
Diskaun diterima	840
Cek tidak laku daripada Akaun Belum Terima	2 350
Diskaun diberi dibatalkan	95
Pindahan lejar jualan ke lejar belian	750
Peruntukan hutang ragu	435
Baki debit lejar jualan pada 31 Mei 2026	12 530
Baki kredit lejar belian pada 31 Mei 2026	7 480

Anda dikehendaki menyediakan:

(i) Akaun Kawalan Belum Terima [4 *markah*]

(ii) Akaun Kawalan Belum Bayar [4 *markah*]

5 (a) Pada 3 Februari 2026, Perniagaan Warisan menerima penyata bank bagi bulan Januari 2026.

BERJAYA BANK BHD
PENYATA BANK

Kepada: Perniagaan Warisan
No. 9 Jalan Sinar
42700 Banting

No. Akaun: 1254387690
Tarikh: 31 Januari 2026

Tarikh	Butiran	Debit	Kredit	Baki	
2026		RM	RM	RM	
Jan. 1	Baki b/b			3 300	Kt.
1	Deposit		1 700	5 000	Kt.
2	Cek No. 435670	1 300		3 700	Kt.
3	Cek No. 435669	1 500		2 200	Kt.
4	Deposit		800	3 000	Kt.
5	Caj bank	30		2 970	Kt.
7	Deposit		560	3 530	Kt.
10	Cek No. 435671	770		2 760	Kt.
15	Cek No. 435672	2 000		760	Kt.
20	Deposit		2 500	3 260	Kt.
24	Pindahan kredit		300	3 560	Kt.
26	Cek No. 435673	2 130		1 430	Kt.
28	Arahan tetap – Insurans	1 200		230	Kt.
29	Dividen		170	400	Kt.

Buku Tunai (ruangan bank)

Tarikh	Butiran	Jumlah RM	Tarikh	Butiran	No. cek	Jumlah RM
2026			2026			
Jan. 1	Baki b/b	3 500	Jan. 1	Alatan pejabat	435670	1 300
2	Jualan	800	6	Promosi	435671	770
3	Hafiz Enterprise	650	12	Fazlee	435672	2 000
10	Razin	1 000	20	Belian	435673	2 130
13	Kedai Zue	2 200	25	Perabot	435674	600
17	Jualan	2 500	26	Gaji	435675	2 900
			31	Baki h/b		950
		10 650				10 650

Maklumat tambahan:

(i) Cek daripada Hafiz Enterprise tersilap catat di dalam Buku Tunai.

(ii) Cek yang diterima pada 10 Januari 2026 dipulangkan oleh bank dengan tanda 'Rujuk Penyuruh Bayar'

Anda dikehendaki menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Januari 2026 tanpa mengemaskini buku tunai (bermula dengan baki di Buku Tunai).

[11 *markah*]

5 (b) Pada 30 November 2025, Razali Enterprise telah menemui beberapa kesilapan dalam buku perniagaannya. Berikut adalah kesilapan-kesilapan yang telah dikesan:

(i) Angkutan masuk RM303 tersilap rekod sebagai RM330.

(ii) Belanja membaiki kenderaan RM450 telah didebitkan dalam Akaun Kenderaan.

(iii) Jualan barang niaga RM1 500 kepada Perniagaan Asiah telah tersalah catat dalam Perniagaan Aishah.

(iv) Pinjaman bernilai RM10 000 yang diterima telah digunakan untuk membeli komputer perniagaan sebanyak RM3 000 dan bakinya digunakan untuk membeli barang niaga. Perkara ini belum direkodkan dalam mana-mana buku.

Anda dikehendaki membetulkan kesilapan tersebut dalam Jurnal Am (keterangan tidak diperlukan).

[9 *markah*]

SERTAI TELEGRAM @exercise_students

6. (a) Puan Rozita ialah pemilik perniagaan Rozie Florist yang menjual pelbagai jenis bunga di Cyberjaya, Selangor. Baki-baki berikut diambil daripada rekod perakaunan beliau pada 1 Julai 2026.

	RM
Tunai	1 250
Bank	17 340
Akaun Belum Terima: Serina Trading	1 060
Akaun Belum Bayar: Quntum D'Florist	1 650
Modal	18 000

Sepanjang bulan Julai 2026, urus niaga Rozie Florist ditunjukkan oleh dokumen berikut:

ASAL INVOIS INV3294

Quntum D'Florist
Lingkaran Cyber Point Timur
63000 Cyberjaya, Selangor
03-8328 2649

Tarikh: 5 Julai 2026

Kepada:
Rozie Florist
B-05, Persiaran Multimedia
63000 Cyberjaya, Selangor

Bil.	Butir	Kuantiti	Harga Seunit RM	Jumlah RM
1	Bunga mawar	200	9.00	1 800.00
2	Bunga tulip	200	6.00	1 200.00
3	Pasu bunga	50	15.00	750.00
				3 750.00
			Tolak: Diskaun niaga 10%	(375.00)
				3 375.00

(Ringgit Malaysia: Tiga ribu tiga ratus tujuh puluh lima sahaja)

Syarat : 10% 7 hari, 5% 15 hari
Serahan : Angkutan dibayar
K. & K. di K

Rozita — Penerima

Jasmin — Pengurus

Dokumen 1

ASAL NOTA KREDIT NK0022

Quntum D'Florist
Lingkaran Cyber Point Timur
63000 Cyberjaya, Selangor
03-8328 2649

Tarikh: 9 Julai 2026

Kepada:
Rozie Florist
B-05, Persiaran Multimedia
63000 Cyberjaya, Selangor

Bil.	Butir	Kuantiti	Harga Seunit RM	Jumlah RM
1	Pasu bunga (rosak)	4	15.00	60.00
2	Bunga tulip (rosak)	10	7.00	70.00
				130.00
			Tolak: Diskaun niaga 10%	(13.00)
				117.00

(Ringgit Malaysia: Satu ratus tujuh belas sahaja)

Rozita
Penerima

Jasmin
Pengurus

Dokumen 2

MEMO
Rozie Florist
B-05, Persiaran Multimedia
63000 Cyberjaya, Selangor
03-8392 4530

Tarikh: 15 Julai 2026

Pemilik membawa masuk satu unit pendingin hawa bernilai RM2 500 ke dalam perniagaan.

Rozita
Pengurus

Dokumen 3

SALINAN

INVOIS

INV0085

Rozie Florist
B-05, Persiaran Multimedia
63000 Cyberjaya, Selangor
03-8392 4530

Tarikh: 21 Julai 2026

Kepada:
Serina Trading
Persiaran APEC, Cyber 9
63000 Cyberjaya, Selangor

Bil.	Butir	Kuantiti	Harga Seunit RM	Jumlah RM
1	Gubahan bunga mawar	30	60.00	1 800.00
2	Gubahan bunga tulip	20	50.00	1 000.00
				2 800.00
			Tolak: Diskaun niaga 10%	(280.00)
			Jumlah	2 520.00

(Ringgit Malaysia: Dua ribu lima ratus dua puluh sahaja)

Syarat : 5% 7 hari, 2% 14 hari
Serahan : Angkutan dibayar
K. & K. di K

Serina
Penerima

Rozita
Pengurus

Dokumen 4

Anda dikehendaki menyediakan:

(i) Jurnal Am [4 *markah*]

(ii) Jurnal Belian [2 *markah*]

(iii) Jurnal Jualan [2 *markah*]

(iv) Jurnal Pulangan Belian [2 *markah*]

6 (b) Marwan Trading dan Husrein Enterprise merupakan dua perniagaan yang menjual alatan memancing. Berikut ialah maklumat kewangan perniagaan tersebut pada 31 Disember 2025.

Marwan Trading

	RM
Modal pada 1 Januari 2025	80 000
Inventori pada 1 Januari 2025	6 870
Inventori pada 31 Disember 2025	5 210
Perabot	7 000
Lengkapan	26 000
Bank	13 500
Akaun Belum Terima	8 940
Akaun Belum Bayar	9 370
Belian	66 230
Jualan	112 000
Sewa belum bayar	800
Insuran prabayar	500
Untung bersih	14 560

Husrein Enterprise

	RM
Nisbah semasa	2 : 1
Pulangan atas modal	23%
Kadar pusing ganti inventori	10 kali

Anda dikehendaki menghitung perkara berikut bagi Marwan Trading:

(i) Kos jualan [2 *markah*]

(ii) Kadar pusing ganti inventori [2 *markah*]

(iii) Nisbah semasa [2 *markah*]

(iv) Pulangan atas modal [2 *markah*]

(v) Perniagaan manakah yang menunjukkan jualan yang lebih laris? Berikan alasan anda. [2 *markah*]

KERTAS SOALAN TAMAT

3756/2©2026 Hak Cipta MPSM Selangor

SERTAI TELEGRAM @exercise_students